


Isnin, 20 April 2020 | 4:36pm



Gambar hiasan.

COVID-19: Aduan penutup hidung dan mulut tertinggi

Oleh Melvin Joni
bhnews@bh.com.my

KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak menerima sebanyak 241 aduan awam sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan 18 Mac lalu.

KPDNHEP dalam kenyataannya hari ini menyebut, daripada keseluruhan, aduan mengenai penutup hidung dan mulut adalah yang paling tinggi iaitu 130, cecair pembasmi kuman (14), keperluan asas (58), aduan online (45) dan lain-lain (58).

“Semua aduan yang diterima ini disiasat oleh KPDNHEP Sarawak,” katanya.

Selain itu, KPDNHEP Sarawak juga melaksanakan pemeriksaan ke atas 4,495 premis perniagaan di bandar dan luar bandar dalam sepanjang tempoh PKP setakat ini yang menyaksikan sebanyak 22 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM2,451.50 dan jumlah kompaun sebanyak RM1,650 direkodkan.

Kesemua kes itu membabitkan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 iaitu sebanyak sembilan kes, Akta Timbang dan Sukat 1972 (7 kes), Akta Perlindungan Pengguna 1999(2 kes) dan Akta Kawalan Bekalan 1961 (4 kes).

Pada masa sama, sebanyak 44 Notis Pencatutan dikeluarkan bagi tempoh 1 Januari hingga 19 April ini dan daripada jumlah itu, sebanyak 24 notis dikeluarkan dalam tempoh PKP berlangsung kerana disyaki berlaku kenaikan harga.

KPDNHEP Sarawak berkata, ketika ini tiada pelaksanaan Skim Harga Maksimum Perintah Kawalan Pergerakan memandangkan ia masih dalam peringkat kajian pengurusan tertinggi ibu pejabat KPDNHEP.

Namun begitu, KPDNHEP Sarawak melaksanakan pemeriksaan harian secara berterusan sepanjang tempoh PKP bagi memantau premis perniagaan utama seperti di pasaraya besar, pemborong utama, kedai runcit, pasar awam dan lain-lain kategori perniagaan.

“Pemeriksaan secara harian dilaksanakan bagi memastikan barangan keperluan isi rumah serta makanan dan minuman berada di pasaran dan dijual pada harga yang berpatutan sepanjang tempoh PKP ini,” katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/679484/covid-19-aduan-penutup-hidung-dan-mulut-tertinggi>

